

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (6)
Tarikh : 15 April 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PEMBUKAAN SEKATAN OVER BAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2024 TANPA PERUNTUKAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP nombor rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2024 (124) bertarikh 2 April 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, sekatan overbajet di iGFMS telah ditetapkan untuk **tempoh 3 April 2024 (Rabu) sehingga 19 April 2024 (Jumaat)** bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2). Pembukaan sekatan overbajet ini adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management (HCM)* mengikut tarikh yang ditetapkan. Pembayaran overbajet bagi OS17000 untuk BKKA ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2024.

3. Justeru, PTJ diingatkan agar pembayaran BKKA ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan bayaran hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan overbajet hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKKA tidak dibuat bayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak.

4. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**